

22/09/1998

Ratu Elizabeth II disambut rasmi

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Isnin - Ratu Elizabeth II dari England yang tiba di sini semalam bagi lawatan rasmi empat hari, diberi sambutan rasmi di Dataran Parlimen di sini, hari ini. Ketibaannya, dan suami, Putera Philip, disambut Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar. Turut hadir ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta menteri-menteri Kabinet.

Sejurus selepas ketibaan pelawat diraja itu, lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan pancaragam pusat Kor Armor Diraja, diikuti tembakan meriam 21 das.

Ratu Elizabeth kemudian diiringi Tuanku Ja'afar memeriksa barisan kawalan kehormatan 124 anggota batalion pertama Rejimen Askar Melayu Diraja, diketuai Mejar Abdul Basit Abdul Rahman.

Beliau kemudian diperkenalkan kepada barisan menteri Kabinet, perwakilan rasmi Britain di negara ini dan 200 ahli masyarakat British di sini.

Ratu Elizabeth dijadual melakukan penutupan rasmi Sukan Komanwel ke-16 di Stadium Nasional Bukit Jalil malam ini. Antara acara lain dalam jadual baginda ialah lawatan ke Menara Berkembar Petronas esok.

(END)